



**Suruhanjaya Tenaga**

## PANDUAN UNTUK PENGGUNA - PENGGUNA ELEKTRIK



Suruhanjaya Tenaga kerap kali menerima aduan mengenai bil elektrik yang dipertikaikan oleh pengguna. Terdapat kes-kes di mana penyewa meninggalkan atau mengosongkan premis tanpa menjelaskan tunggakan bil elektrik, yang mengakibatkan bekalan elektrik kepada premis itu dipotong oleh syarikat pembekal elektrik. Dalam kes-kes tersebut, syarikat pembekal elektrik berhak untuk menuntut bayaran bil elektrik yang tertunggak daripada pengguna yang berdaftar dengannya. Oleh itu, amat penting bagi anda untuk mengetahui siapa pengguna elektrik berdaftar.

### SIAPAKAH PENGGUNA BERDAFTAR?

- Pengguna berdaftar adalah pemunya atau penduduk mananya premis yang telah menandatangani kontrak bekalan elektrik dengan syarikat pembekal elektrik selaras dengan Akta Bekalan Elektrik 1990.
- Syarikat pembekal elektrik akan membuka akaun atas nama pengguna berdaftar selepas pengguna berdaftar membuat bayaran deposit yang bersamaan dengan anggaran caj penggunaan elektrik untuk 2 bulan.
- Bil elektrik akan dikeluarkan oleh syarikat pembekal elektrik pada setiap bulan atas nama pengguna berdaftar untuk dibayar sebagaimana amaun di dalam bil

tersebut dalam masa 30 hari.

- Sekiranya pengguna berdaftar gagal membayar dalam tempoh tersebut, syarikat pembekal elektrik berhak untuk memotong bekalan dengan memberi notis tidak kurang dari 7 hari dan menuntut amaun yang tidak dibayar daripada pengguna berdaftar.

### JIKA ANDA PENGGUNA BERDAFTAR YANG MEMILIKI PREMIS UNTUK DISEWA, PASTIKAN:

- Anda mengenali penyewa premis anda.
- Anda memantau rekod pembayaran bil elektrik oleh penyewa premis anda supaya tiada bil elektrik yang tertunggak. Anda bolehlah melayari laman web pembekal elektrik anda untuk tujuan tersebut.
- Penyewa tidak meninggalkan premis tanpa menyelesaikan segala bayaran bil elektrik, termasuk amaun yang tertunggak.

### JADILAH PENGGUNA ELEKTRIK YANG BIJAK DAN BERHEMAH, PASTIKAN:

- Anda memahami hak dan tanggungjawab pengguna dan pembekal di dalam kontrak pembekalan elektrik bagi premis anda.
- Anda sentiasa memiliki maklumat tentang tarif dan caj

elektrik yang diumumkan dari semasa ke semasa.

- Anda mengetahui trend penggunaan elektrik di premis anda setiap bulan dan memahami cara pengiraan bil dilakukan.
- Anda yakin penggunaan elektrik di premis anda adalah setimpal dengan caj yang dikenakan oleh syarikat pembekal elektrik.
- Anda sentiasa mendapat maklumat tentang sebarang perkhidmatan terkini yang ditawar oleh syarikat pembekal elektrik.
- Anda sentiasa menggunakan elektrik dengan cekap dan selamat.
- Jangka (meter) elektrik di premis anda tidak diganggu.
- Pendawaian dan peralatan elektrik di premis anda sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Tekan butang ujian di kotak agihan elektrik sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Jika ia tidak terpelantik, hubungi kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

*Pesan ini dibawa oleh Suruhanjaya Tenaga (ST)*

*Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi 1-800-2222-78 (ST)*

